

KENYATAAN AKHBAR

PENGGUNA DINASIHATKAN UNTUK MENGELOKKAN DARI MENGGUNA PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL

Orang awam dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membeli dan mengguna produk kosmetik berikut:

Bil.	Nama Produk	Nombor Notifikasi	Racun Berjadual Yang Dikesan	Nama Pemegang Notifikasi	Nama Pengilang	Status Notifikasi
1.	Multi Cream	NOT100764415K	Tretinoin	U & Me Beauty Enterprise	Cylin Cosmetic Sdn. Bhd., Malaysia.	Tamat tempoh notifikasi pada 11 Februari 2012
2.	Dqistee Night Cream	NOT100802185K	Merkuri	Padins (M) Sdn. Bhd.	Ami Cosmetic, Indonesia.	Tamat tempoh notifikasi pada 16 Ogos 2012
3.	Dqistee Beauty Day Cream	NOT100802184K	Merkuri	Padins (M) Sdn. Bhd.	Ami Cosmetic, Indonesia.	Tamat tempoh notifikasi pada 16 Ogos 2012

Produk-produk kosmetik di atas telah diuji dan dikesan mengandungi racun berjadual **tretinoin dan merkuri**. Produk-produk tersebut di atas pernah dinotifikasikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tetapi tempoh sah notifikasinya telah tamat seperti pada senarai di atas. Oleh itu, produk-produk tersebut tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Tretinoin dan logam merkuri adalah tidak dibenarkan di dalam produk kosmetik.

Produk kosmetik yang dicampurpalsu dengan tretinoin biasanya digunakan untuk tujuan merawat masalah jerawat atau memperbaiki keadaan kulit. Produk yang mengandungi tretinoin hanya boleh digunakan dengan nasihat profesional kesihatan. Penggunaan tretinoin tanpa pengawasan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

Produk kosmetik yang dicampurpalsu dengan merkuri lazimnya dipasarkan untuk tujuan mencerahkan kulit dan rawatan anti penuaan seperti masalah jerawat, kulit tidak sekata

dan kedutan. Produk kosmetik tidak boleh mengandungi merkuri kerana ia boleh memudaratkan kesihatan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan. Selain itu, kesan mudarat akibat pendedahan kepada merkuri boleh juga dialami oleh orang sekeliling terutamanya kanak-kanak apabila produk kosmetik yang mengandungi merkuri yang disapu pada kulit meruap dan dihidu. Bayi dan kanak-kanak kecil boleh terdedah kepada merkuri apabila mereka menyentuh produk kosmetik yang mengandungi merkuri atau orang yang menggunakan produk kosmetik tersebut dan kemudiannya memasukkan jari-jari mereka ke dalam mulut. Penggunaan produk yang mengandungi merkuri boleh juga menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

Pihak syarikat yang bertanggungjawab ke atas notifikasi produk berkenaan telah diarahkan untuk memberhentikan penjualan/pembekalan dengan serta merta dan memanggil balik kesemua stok fizikal produk tersebut daripada pasaran dalam tempoh 72 jam.

Sesiapa yang mempunyai stok produk di atas dinasihatkan menghentikan penjualan/ pengedaran/ penggunaan produk tersebut dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan **pemilikan** produk-produk ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) di talian 03-78835532/5534 jika mengalami sebarang kesan sampingan atau kesan buruk akibat daripada penggunaan produk-produk kosmetik.

DATO' EISAH BINTI A. RAHMAN
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

17 Disember 2012

PRESS RELEASE

CONSUMERS CAUTIONED AGAINST USING COSMETIC PRODUCT CONTAINING SCHEDULED POISON

The public is advised to avoid buying and using the following cosmetic product:

No.	Product Name	Notification Number	Scheduled Poison Detected	Name of Product Notification Holder	Name of Manufacturer	Notification Status
1.	Multi Cream	NOT100764415K	Tretinoin	U & Me Beauty Enterprise	Cylin Cosmetic Sdn. Bhd., Malaysia	Expired on 11 February 2012
2.	Dqistee Night Cream	NOT100802185K	Mercury	Padins (M) Sdn. Bhd.	Ami Cosmetic, Indonesia.	Expired on 16 August 2012
3.	Dqistee Beauty Day Cream	NOT100802184K	Mercury	Padins (M) Sdn. Bhd.	Ami Cosmetic, Indonesia.	Expired on 16 August 2012

The cosmetic products as mentioned above have been tested and detected to contain scheduled poison **tretinoin** and **mercury**. The products above were previously notified with the Ministry of Health (MOH), but the notifications have expired as stated in the list above. All mentioned products as above are no longer allowed to be sold in Malaysia.

The usage of tretinoin and mercury in cosmetic products are prohibited.

Cosmetic products adulterated with tretinoin are commonly found in products used for acne treatments or to improve skin conditions. Preparations containing tretinoin should only be used under the supervision of healthcare professionals. The unsupervised usage of tretinoin can cause redness to the skin, discomfort, stinging, peeling and skin becomes sensitive to sunlight.

Cosmetic products adulterated with mercury are usually found in products marketed for skin lightening and anti ageing treatments such as freckles, blemishes and wrinkles. Exposure to mercury can cause damage to the kidneys and the nervous system. It may

also interfere with the development of the brain in unborn children and very young children. Furthermore, exposure to mercury is not only limited to the person using the skin cream containing mercury but also to others especially children as mercury can get into their bodies from breathing in the mercury vapours. Infants and children can ingest mercury when they touch the cosmetic products containing mercury or their parents who have used these products. Using products containing mercury can also cause skin rashes, irritation, and other changes to the skin.

The company responsible for placing the product in the market have been instructed to immediately halt the sale and supply of the product mentioned and remove all physical stocks from the market within 72 hours.

Anyone who is in possession of this product is advised to immediately cease selling/distributing/using it. Sellers are reminded that **possession** of this product is an offence under the Control Of Drugs and Cosmetics Regulations 1984. Any individual who commits an offence under these Regulations can be fined up to a maximum of RM25,000 or to imprisonment for a term not exceeding 3 years or both, and for a second or subsequent offence he shall be liable on conviction to a fine not exceeding RM50,000 or to imprisonment for a term not exceeding 5 years or to both. A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and fined up to a maximum of RM100,000 for a subsequent offence.

Consumers are advised to contact the National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) at 03-78835532/5534 if they experience any allergic reactions or adverse events from use of cosmetic products.

DATO' EISAH BINTI A. RAHMAN
Senior Director of Pharmaceutical Services
Ministry of Health Malaysia

17 December 2012